

MSIA Reading Series 4

“PERLAKSANAAN SIA DALAM SEKTOR PERLADANGAN: SUATU PERKONGSIAN”

Panel Speakers:
Sabarinah Marzuki and
Noorainie Awang Anak

Moderator:
Dr Mohd Shahwahid Haji Othman
28 May 2022



A casual forum by the Malaysian Association of Social Impact Assessment to encourage discussion on various topics related to social impact assessment.

Free and open to the public

28th MAY 2022
SEMBANG PAGI SABTU
10:00 – 11:30 AM

TOPIC
“PERLAKSANAAN SIA DALAM SEKTOR PERLADANGAN : SUATU PERKONGSIAN”

Speaker 1
Sabarinah Marzuki
Managing Director,
Sabarinah & Associates Sdn.Bhd.

Speaker 2
Noorainie Awang Anak
MSPO Auditor

Moderator
Dr. Mohd Shahwahid Hj. Othman
Exco MSIA

ZOOM ID :
832 3114 4822

Passcode :
902929

iamalaysia@gmail.com www.msia.my.org [f](https://www.facebook.com/msia.my.org) Malaysian Association of Social Impact Assessment
Registration No: 0425-05-7

Edited By

Mohd Shahwahid H.O., Azmariana A.,
Noorainie A.A., and Sabarinah M.
(2022)



1. Pengenalan

Pertanian merupakan salah satu komponen yang tersenarai dalam Penilaian Impak Sosial (SIA) kategori di bawah peringkat negeri. Manual Penyediaan Laporan SIA Plan Malaysia (2018) dan draf Manual Penyediaan Laporan SIA yang ketiga yang kini hampir siap disediakan telah menyenaraikan aktiviti pertanian berskala besar yang melebihi 500 hektar memerlukan penyediaan laporan SIA. Namun laporan SIA diperlukan untuk pembukaan ladang-ladang baru berskala besar yang akan dibuka sahaja. Pembincangan pagi kali ini adalah pembuka mata untuk lebih memahami SIA berkaitan perladangan kerana kebanyakan ahli MSIA hanya terdedah kepada SIA pembangunan fizikal.

Sembang Pagi Sabtu (SPS) 28 Mei 2022 buat pertama kali telah menyediakan perbincangan menarik dalam bidang berkaitan pengamalan Penilaian Impak Sosial (SIA) di dalam sektor perladangan, suatu sektor ekonomi yang besar bagi negara Malaysia. Bagi sesi kali ini MSIA telah menjemput dua orang pakar untuk menyerikan perkongsian SPS ini. Mereka adalah Puan Sabarinah Marzuki¹ dan Puan Noorainie Awang Anak². Topik yang diketengahkan untuk perbincangan SPS ini adalah “Pelaksanaan SIA dalam Sektor Perladangan: Satu Perkongsian”.

Motif SPS ‘Sembang Pagi Sabtu’ ini berkisar sekitar Amalan SIA di Malaysia

- i. SIA di dalam sektor perladangan di Malaysia
- ii. Pendekatan amalan SIA di dalam sektor perladangan
- iii. Perkara-perkara yang di ambil perhatian ketika mengaudit elemen SIA
- iv. Cabaran pelaksanaan SIA dalam sektor perladangan
- v. Halatuju SIA dalam sektor perladangan

2. Amalan SIA di Malaysia

Perbincangan SIA bagi perladangan banyak berkisar tentang industri kelapa sawit walaupun perladangan sebenarnya terlibat dengan banyak lagi tanaman lain. SIA dalam perladangan telah bermula apabila wujud sebagai keperluan skim pensijilan minyak sawit mampan. Dua skim yang sering digunakan adalah

¹ Puan Sabarinah Marzuki yang merupakan Pengarah Urusan Sabarinah & Associates Sdn. Bhd. Beliau banyak terlibat didalam penyediaan laporan EIA termasuk bahagian kesan sosio ekonomik untuk perladangan sawit. Beliau juga terlibat di dalam sektor ini sebagai seorang auditor, pelaksana dan perunding bagi pensijilan Skim Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) dari tahun 2005. Beliau juga terlibat sebagai fasilitator untuk mengkajisemula Standard MSPO (2022)

² Puan Noorainie Awang Anak yang merupakan juruaudit MSPO semenjak 2017 dan pernah terlibat dalam penilaian impak alam sekitar (EIA) dan sebagai pegawai pemuliharaan alam sekitar dan hidupan liar, ketika berkhidmat di TRAFFIC Southeast Asia dan World Wide Fund for Nature - Malaysia.

- i. Skim Pensijilan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)) – skim yang berteraskan keahlian (membership) (bermula pada 2004). Skim ini dikenali sebagai skim utama untuk minyak sawit mampan di seluruh dunia. Pemilik skim adalah Sekretariat RSPO dan Standard atau piawaian yang digunakan oleh RSPO dikenali sebagai “RSPO Principles and Criteria” (terkini 2018).
- ii. Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MS2530: Part 1 to 4 - Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)). Standard MS 2530 diterbitkan pada 2013 dan dipunyai oleh Jabatan Standard Malaysia (Department of Standards Malaysia, DSM). Standard ini dijadikan skim pensijilan secara sukarela pada 2015 sebelum diwajibkan kepada semua peladang/pekebun kecil pengeluar buah tandan segar (BTS) & pengilang minyak sawit sejak 1 Januari 2020. Skim pensijilan diurus oleh Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (Malaysian Palm Oil Certification Council, MPOCC)

Selain dari skim pensijilan minyak sawit mampan, terdapat pensijilan mampan (Sustainable Certification) lain seperti di bidang pertanian perhutanan, pembangunan dan pelancongan yang juga menjadikan SIA sebagai satu elemen yang diikuti.

Untuk makluman di dalam sektor pengurusan perhutanan di Malaysia, skim pensijilan yang tersedia adalah

- i. Skim Pensijilan Kayu Malaysia (Malaysian Timber Certification Scheme, MTCS)
- ii. Skim ‘Forest Stewardship Council’ (FSC)
- iii. Skim ‘Programme for the Endorsement of Forest Certification’ (PEFC)

Manakala di dalam sektor pelancongan wujud skim pensijilan

- i. Global Sustainable Tourism Council (GSTC))

3. Pendekatan amalan SIA di dalam sektor perladangan

Bagi sektor perladangan masih belum ada manual khusus sebagai garis panduan untuk penyediaan SIA. Namun demikian, rujukan dibuat kepada manual SIA yang disediakan oleh MSIA. MPOCC sedang menggubal garis panduan untuk kegunaan pensijilannya. Walau bagaimanapun, buat masa ini

- i. Belum ada badan yang memantau para penilai (perunding), format laporan, dan sebagainya..
- ii. Penilaian boleh dibuat oleh pihak organisasi atau oleh juruperunding luar

yang dilantik.

Skop penilaian bergantung kepada keperluan yang terdapat di dalam Standard Pensijilan iaitu untuk

- pembukaan tanah baru untuk tujuan perkebunan, perladangan atau pengilangan
- operasi sedia ada ladang/kebun atau kilang yang termasuk untuk tujuan penanaman semula

Keadaan ini membezakan SIA untuk skim pensijilan perladangan berbanding SIA pembangunan fizikal kerana adanya peruntukan untuk mengkaji semula perlaksanaan tindakan pengurangan kesan (mitigating measures) dan sekiranya perlu untuk membuat penilaian baru bila mana data asas telah berubah atau menjadi tidak relevan.

4. Perkara-perkara yang di ambil perhatian ketika audit

Semasa proses pengauditan, juru audit akan mengambil kira kajian SIA atau apa2 yang bersangkutan dengan sosial akan di ambil kira. Ini termasuklah:

- i. Aktiviti-aktiviti perladangan tidak memberi impak negatif kepada komuniti sekeliling samada ketika pembukaan kawasan tersebut, dan semasa aktiviti dijalankan. Ini adalah untuk memastikan:
 - Tiada pengambilan tanah secara paksa
 - Komuniti tidak terabai dan dihalau keluar

Contoh impak sosial yang negatif di sektor perladangan yang perlu diambilkira dan diberi perhatian adalah

- a. Perpindahan masyarakat dan kehilangan hak tanah adat akibat pembukaan kawasan tersebut.



<https://www.wrm.org.uy/bulletin-articles/indigenous-territories-in-sarawak-malaysian-borneo-threatened-by-monoculture-plantations>



<https://news.mongabay.com/2011/03/indigenous-community-takes-court-ruling-into-own-hands-and-seizes-oil-palm-plantation/>

b. Perkhidmatan ekosistem terpelihara



c. Kehilangan warisan budaya dapat dielakkan



<https://www.iccaconsortium.org/index.php/2021/07/25/ntfpep-siani-virtual-forum-wild-foods-indigenous-food-systems-asia/>

d. Bagi pekerja

- Hak dan kesihatan pekerja perlu diambil kira
- Gaji yang setimpal, contohnya dengan akur kepada Perintah Gaji Minima 2022
- Keselamatan

200 OLDER, WISER, BETTER EST. 1821

Sime Darby Plantation

**SIME DARBY PLANTATION
INTRODUCES NEW
MINIMUM WAGE**

RM1,500 monthly minimum wage

1 May 2022 onwards

for all workers across its
Malaysia operations

+ Productivity-based
income incentives

<https://sime-darbyplantation.com/sime-darby-plantation-to-introduce-new-minimum-wage-across-its-malaysia-operations/>


 Department of Occupational Safety and Health
 Ministry of Human Resources

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL IN AGRICULTURE SECTOR PALM OIL PLANTATION

 Chemical Preparation - Slip and fall - Safe working procedure - Chemical spillage - Personal protective equipment - Chemicals - Chemical management	 Transport Fertilizer and Chemicals - Excessive load - Apply buddy system - Manual handling - Safe working procedure - Standing work - Uneven ground - Slip and fall - Training - Chemical spillage - Personal protective equipment	 Spraying - Chemical spillage - Chemical management - Slip and fall - Safe working procedure - Heat stress - Allocation of drinking waters nearby - Personal protective equipment - Snakes, hornet and bees - Destroy or remove the nest	 Mixing - Slip and fall - Safe working procedure - Chemical spillage - Personal protective equipment - Heat stress - Allocation of drinking waters nearby - Snakes, hornet and bees - Destroy or remove the nest
 Harvesting - Slip and fall - Falling fronds and debris - Training on correct positioning of pole length - Sharp sickle - Safe working procedure - Sharp thorn - Personal protective equipment - Snakes, hornet and bees - Destroy or remove the nest	 Trunk Injection - Very toxic chemicals - Chemical spillage - Personal protective equipment - Scheduled health surveillance - Good hygiene practice - Slip and fall - Sharp object - Safe working procedure	 Change Tractor Tyre - Excessive pressure in tyre - Unstable tractor position - Heavy load - Safe working procedure - Standing work - Training	

 Hazard  Control

 In Collaboration with Sime Darby and Lestari Sdn Bhd, Royal Garden
 11, Old Klang, Jalan Klang Lama, 42250, Petaling Jaya, Selangor
 Gerdau Pabrik and Government of Selangor, Malaysia (GOS-M) Strategy 2, Program 2,
 Department of Occupational Safety and Health, Malaysia (Ministry of Human Resources)

- Pemberian alat pelindung diri (personal protective equipment- PPE) (untuk penuai, pemotong balak, penyembur racun, penabur baja etc)





- **Kesihatan**

Melalui penyediaan ubat-ubatan dan lawatan ke klinik (umpamanya untuk pengimpal – pemeriksaan kesihatan setiap tahun)

- **Kebajikan**

Melalui penyediaan rumah yang sesuai (dengan merujuk kepada Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446])






<https://unitedplantations.com/>

Kebajikan turut dijaga dengan ketiadaan unsur dipaksa untuk bekerja. Untuk pekerja asing. Agen perlu mempunyai kesedaran yang tidak patut ada unsur buruh paksa di negara asal, seperti mengelakkan ikatan hutang dan sebagainya

Di samping itu juru audit akan melihat kepada kewujudan

- Polisi/Garis Panduan berkaitan
 - Alam sekitar
 - Polisi sosial
 - Gangguan seksual
 - Keselamatan
 - Hak Asasi Manusia

Umpamanya:



Juruaudit akan memastikan adakah syarikat merujuk kepada polisi atau dasar yang berkaitan. Semakin besar saiz ladang, semakin banyak dasar dan polisi perlu dipatuhi.

5. Cabaran pelaksanaan SIA dalam sektor perladangan

Perlaksanaan SIA dalam sektor perladangan menghadapi banyak cabaran. Di antaranya berkait dengan:

- i. Hasil penilaian di dalam pelbagai bentuk mengikut kefahaman penilai,
- ii. Tanggapan pelbagai pihak bahawa pelaporan kesan sosio-ekonomik di dalam Laporan EIA mencukupi sebagai SIA
- iii. Untuk ladang/kebun/kilang yang telah beroperasi, pelaporan penilaian dan seterusnya tindakan pengurusan berkaitan keadaan bekerja sering diberi penekanan. Aspek lain yang juga sering dilaporkan adalah tentang kemudahan infrastruktur yang disediakan (perumahan, perkhidmatan kesihatan & rumah ibadat), pengendalian aduan & keluhan. Ianya lebih kepada mengurus permasalahan di peringkat kebun, ladang atau kilang. Kesan di peringkat wilayah atau negara seperti ketidakcukupan tenaga kerja jarang diketengahkan.
- iv. Walaupun industri perladangan sawit telah mencapai usia lebih seabad, amalan industri tidak banyak berbeza. Amalan industri tidak semestinya merupakan amalan baik (best practices), contohnya penyimpanan dokumen pengenalan diri oleh majikan yang membawa kepada tuduhan berkaitan buruh paksa diamalkan secara meluas. Perkara yang dianggap sensitif seperti ini tidak dimasukkan di dalam laporan SIA.
- v. Sebagai auditor kadang-kadang laporan SIA yang disediakan terlalu ringkas, ini mungkin kerana penilai tersebut kurang arif dalam bidang SIA dalam perladangan.

Selain yang diperbincangkan oleh ahli Panel, SPS turut menerima beberapa soalan

- i. Masalah awal kepada setengah-setengah laporan SIA dalam MSPO adalah kerana ketiadaan usaha wajar (due diligence) yang perlu diikuti. Sepatutnya dalam SIA kita perlu lihat kedua-dua impak baik dan buruk. Pengenal-pastian jurang perbezaan antara yang berlaku dan Standard membolehkan langkah-langkah mitigasi disyorkan. Jika semasa audit, elemen2 memperbaiki isu-isu sosial yang negatif ini sedang dalam pelaksanaan (in-progress), maka amat wajar langkah-langkah pembaikan ini diambil kira di dalam SIA tersebut.

- ii. Penetapan Zone of Impact (ZOI) tidak dapat ditentukan secara seragam contohnya di dalam radius 5km. Ini kerana kerana kebiasaannya keluasan ladang sangat besar sehingga mencecah ribuan hektar. Persekitaran ladang juga kadangkala merupakan ladang-ladang lain dan bukan kawasan perumahan atau perbandaran. Walau bagaimanapun, sekiranya ladang yang dibangunkan berada di kawasan tadahan air atau hulu sungai, sebarang perubahan kualiti dan kuantiti sungai akan memberi kesan dan menjejaskan pengguna di hilir sungai. Sangat penting juga elemen berkaitan hidupan liar diambilkira kerana kita tidak mahu wujud konflik manusia-hidupan liar di kemudian hari..
- iii. Dalam RSPO dan MSPO, perkataan Persetujuan yang diberi tanpa paksaan dan didahulukan dengan maklumat (Free, Prior and Informed Consent (FPIC) selalu digunakan. Ia adalah persetujuan dengan komuniti setempat seperti orang asli atau orang asal terutamanya berkaitan penggunaan tanah. Tanpa FPIC, pembangunan tidak dapat dijalankan. FPIC ini tidak sama dengan kumpulan perbincangan berfokus (Focus Group Discussion (FGD) dalam Manual SIA) yang hanya merupakan satu bentuk perbincangan untuk mendapatkan maklumat
- iv. Untuk menyediakan SIA ladang besar, biasanya hanya melibatkan satu pihak pemilik tanah (syarikat) sebagai penggerak projek. Tetapi untuk sekumpulan pekebun-pekebun kecil (SPOC), biasanya SIA dijalankan secara berkumpulan. Adakah ini akan menimbulkan isu-isu yang bagi membuat SIA berkumpulan? Di dalam perladangan wujud kelompok pekebun kecil yang ramai. Bagi penyediaan SIA ke atas kelompok pekebun kecil ianya dinilai secara menyeluruh kerana kebanyakan pekebun kecil sudah memiliki tanah tersebut dari awal lagi dan pandangan dari pemegang taruh yang lain akan diambilkira sebab itu lah persediaan 'due diligence' penting. Contohnya, isu seperti penukaran syarat tanah yang bukan kelapa sawit agak rumit dan melibatkan beberapa pihak untuk menangannya. Pekebun perlu menukar syarat guna tanah mereka kepada kelapa sawit. Pekebun kecil diurus oleh MPOB. Masalah yang timbul lazimnya berkait dengan isu sempadan tanah.
- v. Satu isu yang ditimbulkan berkait dengan pekerja asing bersama keluarga. Perkara ini perlu dinilai semasa penyediaan SIA. Cara menangani memerlukan penglibatan pelbagai pihak di semua peringkat kerajaan, kedutaan pekerja asing tersebut dan masyarakat.
- vi. Persoalan kerumitan untuk mendapat maklumat impak sosial terutama daripada pekerja. Langkah yang perlu adalah mendapatkan kepercayaan daripada pekerja. Salah satunya adalah untuk memastikan majikan tidak ada bersama ketika temubual. Selain daripada itu, pelaporan seboleh mungkin perlu umum agar

majikan tidak dapat mengenalpasti dan mengambil tindakan ke atas maklumat yang disampaikan oleh pekerja.

- vii. Wujud isu berkaitan kesediaan sektor perladangan mematuhi perundangan/kehendak antarabangsa seperti 11 petunjuk buruh paksa. Umumnya industri yang berusia lebih dari seatus tahun mungkin mengambil masa untuk memenuhi semua kehendak diperingkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, kebanyakannya telah dijadikan perundingan di peringkat negara dan perlu dipatuhi. Syarikat-syarikat besar telah melaksanakan apa yang perlu dan sepatutnya menjadi teladan oleh peladang, pekebun dan pengilang lain.

Daripada perbincangan terperinci di atas umumnya laporan SIA di sektor perladangan di Malaysia masih di permukaan yakni memerlukan penganalisan permasalahan dan impak sosial dengan secara lebih mendalam.

6. Halatuju SIA dalam sektor perladangan

Sektor perladangan memerlukan satu garis panduan yang menyeluruh untuk penyediaan SIA.

Selain daripada itu, pemilik skim pensijilan, pekebun, peladang, pengilang serta perunding yang menyediakan SIA perlu jelas dengan apa yang ingin dicapai dari proses SIA. Contohnya hasil penilaian yang melaporkan suatu keadaan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat ladang. Bagaimana tindakan susulan dapat dibuat di peringkat industri atau negara yang memerlukan penglibatan perlbagai pihak untuk menanganinya.

Perkongsian-perkongsian ahli panel telah mencerahkan pengamalan penyediaan laporan SIA melalui beberapa pengalaman yang menarik yang pernah dilalui umpamanya:

- i. Berhadapan dengan isu ketidak-puasan hati komuniti terutama komuniti orang asli apabila hutan yang menjadi tempat kediaman dan tempat mereka mencari makan telah dimusnahkan untuk dijadikan perladangan. Oleh kerana itu, penting bagi pemegang taruh dan syarikat menjalankan SIA untuk melihat apa kesan pembukaan ladang kepada komuniti sekitar dan hidupan liar.
- ii. Pemegang taruh juga perlu mengenal pasti apakah aktiviti yang memberi kesan negatif kepada pekerja. Contohnya aktiviti yang berkaitan meracun, maka syarikat perlu menyediakan peralatan yang boleh mengurangkan risiko kesihatan seperti menyediakan pelitup muka, pakaian yang selamat dan sebagainya kerana berhadapan dengan bahan kimia yang berbahaya terutama sekiranya ada pekerja

wanita yang mengandung. Isu gaji minimum kepada para pekerja buruh pun merupakan perkara yang perlu diberi perhatian,

Kesimpulan

Umumnya, penyediaan SIA bagi skim pensijilan secara menyeluruh di buat bila wujudnya skim MSPO diwajibkan pada Januari 2020. Dengan itu, ianya masih dianggap baru dan memerlukan garis panduan yang menyeluruh agar perlaksanannya mencapai tujuan untuk menangani kesam soaial akibat daripada pembangunan dan operasi kebun, ladang ataupun kilang sawit.

Pengiktirafan

Perkongsian dan pandangan ahli panel dan peserta yang menyumbangkan soalan dan idea sepanjang sesi SPS amat kami hargai.

Penafian

Dalam semangat keterangkuman dan ketelusan, MSIA terbuka dan kerap menjemput pakar dari pelbagai bidang dan pihak berkepentingan untuk berkongsi perspektif mereka tentang bagaimana proses SIA boleh menjadi lebih inklusif dan digunakan dalam pelbagai profesion. Walau bagaimanapun, sebarang pandangan dan andaian yang dinyatakan hanyalah pandangan ahli panel dan tidak semestinya mencerminkan pandangan editor MSIA.